



PROFIL YAYASAN

PPAB26/2014



Mengenai Yayasan

Mengenai Yayasan

Yayasan Nur Ramlah ditubuhkan dengan matlamat untuk memperkasa golongan yang memerlukan melalui pendidikan, penyebaran ilmu, dan program kemasyarakatan berteraskan nilai-nilai Islam. Berteraskan nilai-nilai Islam, kami percaya bahawa pelaburan saham akhirat boleh disegarkan menerusi penyebaran ilmu, budaya membaca, dan inisiatif kemasyarakatan yang berterusan.

Sejak penubuhannya, yayasan ini aktif menghasilkan bahan bacaan santai, menganjurkan ceramah serta kelas-kelas bermanfaat, dan memupuk semangat infaq dalam kalangan masyarakat. Dibiayai melalui hasil jualan buku dan sokongan penderma, kami berusaha membina masyarakat yang lebih berilmu, prihatin dan bersatu.

[Learn More](#)

Visi Kami

Visi

Menyegarkan pelaburan saham akhirat melalui medium pendidikan, dakwah, dan kebajikan yang berterusan.



Misi Kami

01

Penerbitan

Menjadi penerbit bahan bacaan santai yang aktif di Malaysia, menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat melalui bahan yang mudah diakses dan difahami oleh semua golongan, selaras dengan tujuan memupuk budaya membaca.

03

Bahan Bacaan Digital

Menyediakan bahan bacaan dalam bentuk digital berunsur Islam untuk memperluaskan capaian dakwah kepada semua lapisan masyarakat melalui platform digital, terutama mereka yang sukar mendapatkan bahan cetak, menyokong visi untuk memudahkan pembelajaran melalui bacaan.

02

Pendidikan

Menyusun juga bekerjasama dalam mengadakan seminar, bengkel, majlis ilmu dalam pengajian Al-Quran, fardhu ain dan pembangunan sendiri, demi melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia.

04

Bantuan Kemanusiaan

Menyediakan bantuan kepada golongan yang memerlukan, tanpa mengira latar belakang, melalui program bantuan langsung dan sokongan berterusan, sejajar dengan visi untuk memberi inspirasi dalam bidang kemanusiaan.





Objektif Kami

01

Membantu melahirkan generasi berpengetahuan luas dan berakhlak mulia melalui pengajian al-Quran fardhu ain dan kendali diri yang mampu memupuk kesejahteraan hidup bermasyarakat.

02

Menggalakkan budaya membaca dan berkongsi ilmu dengan menghasilkan buku comel mini santai, mudah disebarkan serta bermanfaat kepada masyarakat.

03

Menggalakkan budaya membaca dan berkongsi ilmu dengan menghasilkan buku comel mini santai, mudah disebarkan serta bermanfaat kepada masyarakat.

Pemegang Amanah



**Ustaz Mohammad Hasnil
Bin Abu Bakar**

Pengarah



**Norhayati Binti
Yaacob**

Pengawai Pengurusan

Program & Aktiviti



Program & Aktiviti

Yayasan Nur Ramlah komited dalam menyebarkan dakwah, memupuk kecintaan kepada fardhu Ain, membantu golongan memerlukan dan menyumbang kepada pembangunan spiritual masyarakat melalui pelbagai inisiatif.

Program & Aktiviti

01

Penerbitan Buku Mini Dakwah

Sebagai usaha dakwah yang berterusan, YNR telah menerbitkan siri buku mini bertemakan ilmu dan nasihat Islam yang sesuai untuk bacaan santai masyarakat umum. Pada 12 Ogos 2022, sebanyak 14 buah buku telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan diiktiraf sebagai bahan bacaan umum.

Menjelang tahun 2025, jumlah buku yang diterbitkan telah meningkat kepada 20 buah. Buku yang terbaru bertajuk 'Palestin: Senyap Itu Jenayah' yang akan dilancarkan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025. Buku-buku ini dijual kepada organisasi, masjid, sekolah serta individu, dan turut didermakan kepada masyarakat. Pendapatan daripada penjualan digunakan semula untuk mencetak lebih banyak buku demi menyebarkan ilmu secara meluas.



Program & Aktiviti

02

Pengajian Al-Quran

Yayasan Nur Ramlah telah menaja kelas pengajian Al-Quran secara percuma sepanjang tahun 2019 di Rumah Ngaji Jinjang Utara dan Rumah Ngaji PPR Pekan Batu. Rumah Ngaji ialah platform pembelajaran Al-Quran dari asas untuk pelbagai lapisan masyarakat, dari kanak-kanak hingga dewasa. Inisiatif ini bertujuan memupuk kecintaan kepada Al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan hidup.

Yayasan turut menyokong program #QuranTime dan telah menghantar wakil ke Jakarta bagi menyertai serta memberi sokongan kepada inisiatif tersebut. Sejak penubuhan yayasan, kami secara konsisten menyokong program ini dengan menghadiri acara-acara yang dianjurkan setiap tahun. Pada tahun 2024, wakil yayasan turut menghadiri program anjuran #QuranTime yang diadakan di Hospital Rehabilitasi Cheras sebagai tanda sokongan berterusan terhadap usaha dakwah dan pemeraksanaan al-Qur'an.



Program & Aktiviti

03

Waqaf Ilmu

Sebagai satu bentuk dakwah kecil yang santai tetapi sampai, Yayasan Nur Ramlah (YNR) telah mewaqafkan buku-buku terbitan kami kepada pelbagai institusi, sekolah, organisasi, dan orang awam. Usaha ini diharapkan dapat menyemai nilai-nilai murni, memberi ketenangan rohani, dan menyebarkan ilmu secara inklusif dan berterusan.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan:

- Buku “Apa Khabar Waris & Pesakit?” kepada pesakit dan pengunjung hospital sebagai bahan bacaan ringan untuk ketenangan rohani dan emosi.
- Kerjasama bersama My Grocer dalam pengedaran buku kepada penduduk setempat sebagai usaha menyebarkan ilmu ke dalam komuniti harian.
- Sumbangan buku kepada peserta Majlis Berbuka Puasa anjuran MAQTAR sebagai nilai tambah spiritual dalam program ibadah.
- Buku terbitan YNR bertajuk “Palestin: Senyap Itu Jenayah” telah disumbangkan kepada Persatuan Cinta Gaza untuk menyokong perjuangan mereka.



Program & Aktiviti

04

Program Pemakanan



Infaq Bubur Lambuk

Bersama Persatuan Kebajikan Al Hidayah PPR Taman Wahyu sempena Ramadan, disertakan edaran buku mini kepada penduduk.



Ibadah Korban

Pelaksanaan penyembelihan dan pengagihan daging kepada golongan asnaf dan komuniti setempat.



Bantuan Makanan

Agihan makanan kepada golongan B40 dan yang memerlukan.

Program & Aktiviti

05

Bantuan Kemanusiaan

Menyediakan bantuan segera kepada komuniti yang terkesan akibat banjir, bencana alam serta konflik dan peperangan





Hubungi Kami



+603-7843 2222



+6011-7070 7570



www.yayasannurramlah.org



yayasannurramlah@mtcgroup.com.my



<https://www.facebook.com/yayasannurramlahofficial/>



<https://www.instagram.com/yayasannurramlah/>



Jalan Teknokrat 2, Zon Teknologi MKN Embassy, 63000 Cyberjaya, Selangor